

## **SOALAN LAZIM TABUNG USAHAWAN BELIA FELDA (TUBF)**

1. Saya ingin memohon Tabung Usahawan Belia FELDA, apakah dokumen yang perlu saya sertakan?
  - ***Pengesahan warga peneroka oleh Pengurus Rancangan***
  - ***Kertas kerja***
  - ***Borang Kebenaran Semakan Rekod CCRIS***

2. Apakah manfaat Tabung Usahawan Belia FELDA kepada usahawan belia FELDA?

***Tabung Usahawan Belia FELDA ini memanfaatkan usahawan belia FELDA kerana***

- ***Pinjaman mudah***
  - ***Patuh Syariah***
  - ***Bertujuan untuk perbelanjaan modal***
  - ***Tiada kadar faedah***
  - ***Tiada caj perkhidmatan***
  - ***Beserta latihan wajib***
3. Adakah pinjaman ini boleh dimohon bagi sebarang tujuan? Apakah ada skop tertentu?

***Ada. Pinjaman TUBF ini hanya layak bagi tujuan berikut:***

- ✓ ***Menaik taraf premis perniagaan (termasuk kos menambah fungsi premis sediaada)***
  - ✓ ***Menaik taraf ruang luar premis***
  - ✓ ***Membeli peralatan dan kelengkapan komputer***
  - ✓ ***Membeli perabot dan kelengkapan pejabat/perniagaan***
  - ✓ ***Intangible assets (kos lesen, pensijilan atau paten)***
  - ✓ ***Mesin (termasuk kos logistik ke lokasi operasi perniagaan)***
  - ✓ ***Perisian komputer atau langganan aplikasi pintar***
4. Sekiranya saya berjaya mendapatkan pinjaman Tabung Usahawan Belia FELDA, adakah saya akan diberikan sebarang bentuk latihan?  
***Ya. FELDA dengan kerjasama pihak perbankan terpilih akan menyediakan latihan induksi dan latihan pengukuhan. Ia wajib dijalankan oleh peminjam yang berjaya kelak.***
  5. Apakah kelayakan untuk memohon pinjaman TUBF
    - ***Belia (berumur 18 – 40 tahun)***
    - ***Warga FELDA (peneroka/generasi baharu/cucu/cicit)***
    - ***Usahawan baharu***
    - ***Usahawan sedia ada***
    - ***Berdaftar dengan SSM atau Pihak Berkuasa Tempatan (Sabah)***
    - ***Berdaftar dengan Sistem SEIS***

- **Perniagaan patuh syariah & undang-undang**
  - **Pemohon merupakan pemilik perniagaan entiti tunggal atau perkongsian yang menjalankan perniagaan secara sepenuh masa**
  - **Perniagaan yang diusahakan oleh pemohon berada di dalam dan luar Rancangan FELDA atau kompleks pejabat Wilayah FELDA atau bandar yang wujud kerana penempatan peneroka Rancangan FELDA atau bandar berhampiran Rancangan/Wilayah FELDA dalam lingkungan 25 KM ke bawah**
  - **Pemohon hanya boleh membuat satu (1) permohonan sahaja pada satu masa yang sama**
  - **Setiap keluarga peneroka dibenarkan membuat dua (2) permohonan atas nama usahawan belia yang berlainan pada satu masa yang sama;**
  - **Usahawan perlu mengemukakan 3 bulan penyata bank individu sebagai bukti pendapatan atas perniagaan yang dilaksanakan;**
  - **Usahawan mesti menyediakan Profil Perniagaan sebelum permohonan dimajukan untuk sokongan Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian TUBF; dan**
  - **Pemohon diwajibkan menyertai kursus induksi dan melaporkan prestasi perniagaan sepanjang tempoh pembiayaan**
6. Saya merupakan usahawan baru FELDA . Apakah jenis perniagaan yang layak memohon?  
**Usahawan baru yang menjalankan keusahawanan seperti perniagaan kiosk makanan, andaman, pusat cucian kenderaan, perusahaan jahitan, perusahaan bakeri dan teknologi maklumat layak untuk memohon TUBF.**
7. Siapakah yang dikategorikan sebagai Usahawan Baharu dalam konteks pembiayaan TUBF?  
**Usahawan yang telah menjalankan perniagaan sekurang-kurangnya 6 bulan berpandukan tarikh pendaftaran SSM**
8. Siapakah yang dikategorikan sebagai usahawan sedia ada dalam konteks pembiayaan TUBF?  
**Usahawan yang telah menjalankan perniagaan sekurang-kurangnya 1 tahun berpandukan tarikh pendaftaran SSM**
9. Tabung Usahawan Belia FELDA merupakan pinjaman kepada dana pusingan berjumlah RM10 juta. Apakah agensi perbankan yang menguruskan pinjaman TUBF?  
**Agensi perbankan yang menguruskan TUBF ini bersama FELDA adalah Bank Islam Malaysia Berhad**
10. Sekiranya saya layak dan berjaya dalam permohonan TUBF, Berapa lamakah tempoh maksimum bayaran balik?  
**Tempoh maksimum bayaran kembali adalah selama 3 tahun**

11. Bilakah tarikh permohonan akan dibuka?  
Permohonan akan dibuka mulai:
- **Minggu terakhir Ogos 2022 (Untuk Usahawan Sedia Ada)**
  - **Januari 2023 (Untuk Usahawan Baharu)**
12. Berapa lama tempoh permohonan akan diproses?  
**Satu bulan (melibatkan proses dalaman FELDA dan bank)**
13. Saya telah memohon TUBF, bagaimanakah cara untuk saya menyemak status permohonan?  
**Semakan status permohonan akan dimaklumkan melalui SMS atau e-mel yang didaftarkan semasa permohonan.**
14. Bagaimanakah konsep pemantauan yang akan di buat terhadap peminjam?  
**Pemantauan prestasi perniagaan dan bayaran balik akan dilakukan oleh pihak bank.**
15. Berapakah had pinjaman yang ditawarkan?  
**RM 10,000 – RM20,000 (Usahawan Sedia Ada) RM5,000 – RM15,000 (Usahawan Baharu)**
16. Adakah pinjaman ini memerlukan penjamin?  
**Tiada penjamin diperlukan, tetapi 'security deposit' selama 3 bulan akan ditolak daripada nilai pinjaman**
17. Apakah yang akan berlaku sekiranya peminjam gagal membayar pinjaman?  
**Kegagalan membayar pinjaman akan mempengaruhi kredit skor peminjam dalam Laporan Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (CCRIS)**
18. Apakah nombor untuk dihubungi sekiranya ada soalan berkaitan TUBF  
**Semakan status permohonan boleh dibuat dengan menghubungi talian 03 2191 2152/2029/2052/2012/2051/2180 atau email kepada [admin.tubf@felda.net.my](mailto:admin.tubf@felda.net.my)**

**\*TUBF = Tabung Usahawan Belia FELDA**

\*\*\*\*\*